

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM College of Arts and Sciences
Sent: Wednesday, 25 July, 2012 12:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELAJAR UUM 'MAGANG' DI BANDUNG



**College of
Arts and Sciences**
Universiti Utara Malaysia

25 JULAI 2012 / 5 RAMADHAN 1433H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

PELAJAR UUM 'MAGANG' DI BANDUNG





Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA) UUM CAS dengan usahasama Universitas Komputer Indonesia (UNIKOM) dan Institut Manajemen Telkom (IMT) menganjurkan 'Magang' atau Program Latihan Industri di Bandung, Indonesia bermula dari 10 Julai 2012 hingga 7 Ogos 2012. Majlis Sambutan Pelajar UUM di UNIKOM diadakan pada 11 Julai 2012 bertempat di Dewan Utama UNIKOM dan majlis yang sama juga diadakan di IMT pada keesokkan harinya di Dewan Teater IMT. Delegasi UUM disambut oleh pihak UNIKOM diwakili oleh Rektor UNIKOM, Dr. Ir. Eddy Soeryanto Soegoto dan pihak IMT oleh Rektor IMT, Bapak Ir Husni Amani di dalam dua majlis yang berasingan. Seramai 14 orang pelajar dari pelbagai program di UUM menjalani latihan industri di UNIKOM dan IMT. Antara program yang terlibat ialah program Teknologi Maklumat, program Multimedia, program Pendidikan, program Perakaunan, program Kewangan dan Perbankan Islam dan program Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa. Para pelajar tersebut telah ditempatkan di beberapa jabatan di UNIKOM dan IMT termasuk Fakulti Ekonomi, Pusat Software Komputer dan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan UNIKOM, serta Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Telkom Indonesia, Jabatan Pengurusan Perakaunan, Jabatan Kewangan dan Pusat Pembelajaran, IMT.

Program yang merupakan susulan kolaborasi antara UUM dengan UNIKOM dan IMT ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang situasi dan keperluan sebenar di industri global. Di samping itu, pelajar juga berpeluang merasai budaya hidup dan adat resam yang berbeza setelah ditempatkan bersama dengan beberapa buah keluarga angkat di sekitar UNIKOM dan IMT. Program latihan industri dan penempatan pelajar ini adalah sebahagian dari program mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Delegasi UUM yang turut serta dalam kedua-dua majlis tersebut adalah Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC), Prof Madya Dr. Huda Ibrahim, Penyelaras II COPED SOC, Dr. Ahmad Suki Che Mohamed Arif, Timbalan Dekan PPA UUM CAS, Dr. Massudi Mahmuddin dan Penyelaras Praktikum UUM CAS, Dr. Mazida Ahmad.



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary)

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.